



KEWAJIPAN • MARUAH • INTEGRITI  
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

Rujukan Kami : UPNM(P)01.03/06 (10)  
14 Ogos 2018

Semua Staf  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia  
Kem Sungai Besi  
Kuala Lumpur

YBhg. Datuk / Dato' / Prof. / Prof. Madya / Dr. / Tuan / Puan,

**PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BILANGAN 2 TAHUN 2018  
PENAMBAHBAIKAN DASAR SEDIA ADA DAN GARIS PANDUAN TUNTUTAN PEMBAYARAN  
YURAN KEAHLIAN BADAN PROFESIONAL / IKHTISAS  
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

---

**1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan keputusan Jawatankuasa Eksekutif Naib Canselor Bil. 3 Tahun 2018 yang telah bersidang pada 8 Ogos 2018 berhubung kelulusan penambahbaikan dasar sedia ada bagi pembayaran yuran keahlian Badan Profesional / Ikhtisas di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

**2.0 PENGENALAN**

Garis panduan ini disediakan adalah untuk menerangkan dan menjelaskan mengenai peraturan bayaran yuran keahlian Badan Profesional / Ikhtisas kepada semua staf di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

### 3.0 KAEDAH PELAKSANAAN

#### 3.1 PERATURAN

Pembayaran balik Yuran Keahlian Badan Profesional / Ikhtisas ini adalah tertakluk kepada staf yang memenuhi kriteria berikut:

- 3.1.1 Pegawai hendaklah mempunyai kelayakan yang berkaitan dengan Badan Profesional / Ikhtisas yang dianggotai;
- 3.1.2 Pendaftaran dengan Badan Profesional / Ikhtisas adalah atas keperluan yang mewajibkan seseorang staf mendaftar bagi membolehkan staf mengamalkan profesionalnya;
- 3.1.3 Pendaftaran hanya untuk Badan Profesional / Ikhtisas yang telah diluluskan oleh Universiti sahaja;
- 3.1.4 Tuntutan yuran keahlian adalah terhad kepada satu (1) Badan Profesional / Ikhtisas sahaja;
- 3.1.5 Universiti akan menanggung Yuran Pendaftaran dan Yuran tahunan keahlian sahaja. Bagi yuran pendaftaran bayaran adalah sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan di permulaan menjadi ahli sesebuah Badan Profesional / Ikhtisas;
- 3.1.6 Yuran tahunan keahlian **TIDAK** termasuk bayaran pemprosesan, langganan majalah dan sebagainya dan dibayar sekali setahun (pada tahun semasa sahaja);

#### 3.2 SENARAI BADAN PROFESIONAL / IKHTISAS

Senarai Badan Profesional yang dibenarkan adalah seperti berikut:

- 3.2.1 Lembaga Jurutera Malaysia (BEM — Engineers Act 1967);
- 3.2.2 Lembaga Jururawat Malaysia (Nurse Act 1950);
- 3.2.3 Lembaga Kaunselor Malaysia (Counsellors Act 1998);
- 3.2.4 Institut Akauntan Malaysia (MIA — Accountants Act 1967);
- 3.2.5 Majlis Perubatan Malaysia (Medical Act 1967);
- 3.2.6 National Specialist Register (NSR);
- 3.2.7 Malaysian Dental Council (Dental Act, 1971);
- 3.2.8 Pertubuhan Arkitek Malaysia (Architect Act 1967);
- 3.2.9 Lembaga Juruukur Bahan (Quantity Surveyors Act 1967);
- 3.2.10 Lembaga Pembantu Hospital (Hospital Assistance Registration Act);
- 3.2.11 Ahli Bar Malaysia dan Majlis Peguam (Legal Profession Act 1976);
- 3.2.12 Certificate In Logistics and Transport (CILT); dan
- 3.2.13 Lembaga Teknologi Malaysia (MBOT) (Akta 768).

### 3.3 TATACARA TUNTUTAN PEMBAYARAN YURAN KEAHLIAN

Kaedah pembayaran yuran keahlian adalah melalui tuntutan balik dengan menghantar:

- 3.3.1 Borang UPNM/PEND-56 Borang Tuntutan Elaun Yuran Keahlian Badan Profesional/Badan Ikhtisas yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan; dan
- 3.3.2 Resit pembayaran serta dokumen yang berkaitan (cth : Borang Pendaftaran) yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan kepada Jabatan Pendaftar.

### 4.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeling ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2018.

### 5.0 PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, peraturan berkaitan tuntutan badan profesional yang terkandung di dalam Pekeliling Jabatan Pendaftar Bilangan 1 Tahun 2014 adalah **DIBATALKAN**.

### 6.0 PENUTUP

Kemudahan ini hanya terpakai di UPNM sahaja dan sekiranya staf UPNM meletak jawatan maka kemudahan ini tidak boleh dipanjangkan ke organisasi / badan melantik yang baharu.

Sekian, terima kasih.

**"KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI"**

Saya yang menjalankan tugas,



**SARINA BINTI ABDUL RANI**

Pendaftar

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

Salinan kepada:

1. **Naib Canselor**  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
2. **Timbalan Naib Canselor**  
Akademik dan Antarabangsa
3. **Timbalan Naib Canselor**  
Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
4. **Timbalan Naib Canselor**  
Penyelidikan dan Inovasi
5. **Penolong Naib Canselor**  
Jaringan Industri dan Perhubungan Korporat
6. **Penolong Naib Canselor**  
Akademik dan Antarabangsa
7. **Pegawai-Pegawai Kanan Universiti**
8. **Dekan-Dekan Fakulti**
9. **Pengarah-Pengarah Pusat**
10. **Pengerusi NADIMASA**
11. **Pengerusi PERINTIS**
12. **Presiden KESUPNA**